

13 MAY 2001

Vajpayee-Tiba (Bergambar)

PERDANA MENTERI INDIA VAJPAYEE TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

Oleh: R.Ravichandran

SEPANG, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee tiba di sini, hari ini, untuk lawatan rasmi empat hari dalam usaha meningkatkan hubungan ekonomi dan kerjasama antara India dan Malaysia yang telah lama menjalin hubungan sejarah dan budaya.

Penerbangan khas membawa pemimpin India itu dan 135 anggota delegasinya, termasuk 75 tokoh perindustrian negara itu mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini pada lebih kurang 6.30 petang.

Ketibaan Vajpayee di Kompleks Bunga Raya disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus selaku Menteri Pengiring. Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia Puan Veena Sikri.

Apabila turun daripada pesawat, Vajpayee disambut oleh sekumpulan kanak-kanak yang mengibarkan bendera Malaysia dan India sambil menyanyi "Rasa Sayang". Pasukan pancaragam itu turut memainkan muzik apabila Vajpayee berjalan atas permaidaini merah.

Turut serta dalam rombongan Vajpayee ialah Menteri Teknologi Maklumat, Pramod Mahajan dan Menteri Negara Bagi Perniagaan dan Perindustrian, Omar Abdullah.

Perdana Menteri India terakhir melawat Malaysia ialah P.V.Narasimha Rao iaitu pada 1995. Pemimpin India yang lain yang pernah melawat Malaysia ialah Jawaharlal Nehru, Indira Gandhi dan V.P.Singh.

Lawatan Vajpayee itu sebenarnya dijadualkan pada awal Februari tetapi terpaksa ditunda ekoran malapetaka gempa bumi di negeri Gujarat di bahagian barat benua India.

Lawatan itu merupakan yang pertama bagi pemimpin berusia 75 tahun itu sejak menerajui negara demokrasi terbesar di dunia pada 1999 selepas kejayaan Perikatan Demokratik Kebangsaan yang diketuai oleh parti Bharatiya Janata dalam pilihan raya.

New Delhi dan Kuala Lumpur menyaksikan hubungan ekonomi yang kukuh dengan banyak syarikat Malaysia kini mendapat kontrak bernilai berbilion ringgit di negara itu, kebanyakannya dalam pembangunan infrastruktur.

India yang merupakan pengimport terbesar minyak sawit Malaysia juga merupakan rakan perdagangan terbesar di selatan Asia. Perdagangan dua hala antara India dan Malaysia bernilai hampir AS\$2.491 bilion dalam tempoh 1999-2000, mendaftarkan pertumbuhan lebih kurang 29 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Sejak memperkenalkan peliberalan ekonomi pada 1991, India dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih kurang AS\$375 bilion dan lebih 1 bilion penduduk menjadi pasaran muncul paling berpotensi di Asia.

Esok, Vajpayee akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bertukar pandangan mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa. Sebelum itu Vajpayee akan diberikan sambutan rasmi di Putrajaya.

Selain daripada menghadiri mesyuarat delegasi, Vajpayee juga akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dan memorandum persefahaman mengenai kerjasama dalam bidang IT, perjalanan bebas visa, pelancongan dan juga mengelakkan cukai berganda.

Dr Mahathir akan menganjurkan majlis makan malam bagi Vajpayee di Seri Perdana esok.

Pada Selasa, Vajpayee akan menyampaikan ucapan dasar di Forum

Perniagaan India-Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra yang akan dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada Rabu, pemimpin India itu akan menyampaikan ucapan bertema "India dan Asean: Perspektif Bersama" yang dianjurkan oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar sebelum pulang.

India dan Malaysia adalah anggota Komanwel, Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Forum Serantau Asean (ARF), antara lain.

Walaupun mempunyai aturcara yang sibuk, Vajpayee akan mengambil peluang untuk melawat bangunan tertinggi di dunia, Menara Berkembar Petronas dan Pameran Teknologi Malaysia-India serta sekitar Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

RV RV PR